



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

DUA (2) FASILITI PENDIDIKAN UNTUK 300 ANAK MURID TELAH SIAP UNTUK DISERAHKAN KEPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SABAK BERNAM, SELANGOR - Hari ini telah berlangsung sesi penyerahan dua buah projek milik Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang telah siap dibina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor selaku agensi pelaksana. Majlis Penyerahan ini telah disaksikan oleh YB Fadlina Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia serta Pengurusan Tertinggi dari kedua-dua Kementerian. YBhg. Dato' Zahrul Hakim Bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Kerja Raya (KKR) telah turut hadir sebagai wakil YB Menteri dan Timbalan Menteri Kerja Raya yang tidak dapat hadir pada saat akhir.

2. Projek pertama yang diserahkan adalah projek pembinaan Gantian Penuh Bangunan 6 Bilik Darjah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Terap, Sabak Bernam, Selangor. Projek ini merupakan pembinaan bangunan PPKI yang julung-julung kalinya di negeri Selangor dan boleh menjadi model contoh kepada beberapa projek bangunan PPKI di beberapa sekolah lain yang sedang dalam peringkat perancangan dan pembinaan. Projek ini telah dimulakan pada 3 Ogos 2021 dan siap sepenuhnya pada 20 Jun 2024 dengan kos bernilai RM3.38 juta.

3. Antara skop utama projek adalah pembinaan enam buah bilik darjah (lima untuk Masalah Pembelajaran dan sebuah untuk Masalah Pendengaran), Bilik Guru, Tandas, Bilik Masakan, Bilik Rekreasi, Bilik Pengurusan Diri dan Ruang Bengkel. Juga terdapat kerja – kerja mekanikal, elektrik dan sistem pencegahan kebakaran. Kontraktor yang dilantik adalah Drive Zenith Sdn Bhd. Projek ini diketuai oleh JKR Selangor dan Pegawai Penguasanya adalah JKR Sabak Bernam.

4. Pembinaan bangunan ini bertujuan untuk menyediakan fasiliti pembelajaran yang kondusif dan selesa kepada anak – anak murid pendidikan khas dimana sebelum ini pembelajaran dilakukan di kontena yang diubahsuai menjadi bilik darjah. Bangunan baharu ini juga bagi menampung pertambahan bilangan pelajar. Kapasiti baharu kini dapat menempatkan seramai 29 orang murid PPKI dan seramai 10 orang guru termasuk seorang guru penolong kanan PPKI.

5. Projek kedua yang berjaya diserahkan hari ini ialah projek pembinaan semula bangunan daif Sekolah Kebangsaan Sungai Haji Dorani, Sabak Bernam, Selangor. Projek bernilai RM4 juta ini mula dibina pada 11 Oktober 2023 dan siap sepenuhnya pada 9 Julai 2024.

6. Ia bagi menggantikan bangunan sedia ada yang telah uzur. Di samping penambahan ruang kelas yang lebih selesa dan selamat, ianya juga boleh digunakan sebagai dewan tertutup untuk program - program sekolah sekaligus mengoptimalkan penggunaan fasiliti yang dibina. Seramai 270 orang murid dan 23 orang guru bakal mendapat manfaat daripada projek pembinaan bangunan sekolah yang mempunyai lima buah bilik darjah, tandas murid dan tandas murid berkeperluan khas (OKU).

Projek ini diketuai oleh JKR Malaysia dari Cawangan Kerja Pendidikan di mana Pegawai Penguasannya adalah JKR Sabak Bernam. Kontraktor yang dilantik bagi projek ini adalah Gading Resources Sdn Bhd.

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) ingin merakamkan penghargaan kepada KPM yang telah memberikan kepercayaan serta kerjasama kepada pihak JKR Selangor, khususnya dalam penyeliaan di tapak sehingga projek ini dapat disiapkan dengan jayanya. Sepanjang proses perancangan, pembinaan dan penyeliaan secara bersama ini telah memberikan pengalaman dan pengajaran (*experience and lesson learned*) yang amat berguna yang akan dijadikan panduan dalam pelaksanaan projek-projek serupa di masa hadapan ke arah pengurusan projek yang lebih baik dari segi kualiti, kos dan masa.

8. KKR turut menyeru kepada pihak kontraktor untuk terus melaksanakan tanggungjawab dalam tempoh tanggungan kecacatan (DLP) di mana pihak JKR akan terus memantau proses-proses pasca penyerahan bangunan supaya tiada perkara yang tertangguh dan dilaksanakan mengikut peraturan yang berkuatkuasa.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
19 OGOS 2024